

## Pemerkasaan al-Quran dan al-Sunnah Penyumbang kepada Kecemerlangan Tamadun Melayu: Satu Analisis

Shuhairimi Abdullah, Nur Salimah Alias, Huzili Hussin dan Noor Salwani Hussin  
Pusat Teknologi Komunikasi Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Perlis, Blok B,  
Kompleks Pusat Pengajian, Jalan Kangar – Arau 02600 Perlis

### ABSTRAK

Nur kebenaran yang terpancar daripada isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah mengandungi asas-asas keluhuran pembentukan peradaban sebagai panduan asas untuk diikuti oleh seluruh manusia. Al-Quran dan al-Sunnah menyeru semua masyarakat supaya kembali kepada pemikiran rasional dan realistik dan menyangkal pemikiran yang diikat dengan fahaman animisme, paganisme dan “syncretism”. Sebagai kitab yang paling sempurna diciptakan oleh Allah, maka al-Quran merupakan obor kebenaran yang menerangi liku-liku kehidupan yang perlu dilalui oleh setiap manusia. Begitu juga al-Sunnah yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW melalui petunjuk Ilahi menjadi petunjuk kepada manusia untuk menguruskan sistem kehidupan. Sejarah telah mencerahkan bahawa pengajaran yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah telah memberi impak yang positif terhadap kebudayaan Melayu. Ajaran Islam yang telah berstimulasi dalam kebudayaan Melayu telah menimbulkan satu gelombang yang hebat dalam mengerakkan proses merevolusi sistem pandangan hidup masyarakat yang telah memalingkan dari alam seni mitos yang khayal kepada pembentukan alam akal dan budi yang menuntut kepada kaedah tertib yang teratur. Islam telah mengubah lanskap kebudayaan Melayu kepada kepercayaan rasionalisme dan pengetahuan aqliah. Manifestasi ini dizahirkan melalui sistem masyarakat yang berasaskan kepada kebebasan, keadilan dan kemuliaan keperibadian insan. Justeru itu, penelitian yang lebih kritis dan saintifik terhadap impak pengajaran al-Quran dan al-Sunnah terhadap perkaitannya dalam memperkasakan bangsa Melayu perlu dilakukan. Kajian yang dijalankan ini adalah bersifat kualitatif dengan mengkaji persejarahan Islam bagi mendapatkan gambaran yang lebih tepat tentang aspek budaya dan pemikiran serta realiti hidup masyarakat Melayu kini. Natijahnya, ajaran al-Quran dan al-Sunnah telah berjaya mewarnai sistem kepercayaan, falsafah, bahasa, sejarah dan kesenian masyarakat Melayu. Sifat dan hakikat kecemerlangan kebudayaan Melayu tidak dapat dijuzukkan daripada pengajaran Islam. Apa yang nyata, umat Melayu akan terus unggul dan berdaya saing sekiranya berpegang teguh dengan pegangan al-Quran dan al-Sunnah.

**Kata kunci:** Al-Quran, al-Sunnah, Melayu, kebudayaan dan Islam.

## 1.0 PENGENALAN

Al-Quran merupakan Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s. Ia merupakan mukjizat agung yang dianugerahkan oleh Allah kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada manusia. Isi kandungan al-Quran mengandungi 114 surah yang meliputi 6,616 ayat, 77,934 perkataan dan 323,671 huruf. Ayat-ayat al-Quran diklasifikasikan berdasarkan tempat penurunannya, iaitu ayat *Makkijah* dan ayat *Madaniyyah*. Al-Quran bukan hanya menjelaskan tentang prinsip keagamaan semata-mata, bahkan di dalamnya mengandungi pelbagai pedoman dan gedung perbendaharaan ilmu untuk dijadikan panduan kepada manusia dalam membina ketamadunan insan. Apa yang menariknya, al-Quran menceritakan perkara-perkara yang akan berlaku pada masa hadapan dan perkara-perkara ghaib (*sam'iyyat*) yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia biasa. Oleh kerana al-Quran bersumber Ilahi, maka isi kandungannya adalah suci dari sebarang kesalahan dan kesilapan yang bercanggah dengan fitrah manusia dan alam.

Nur kebenaran yang terpancar dari isi kandungan al-Quran mengandungi asas-asas keluhuran pembentukan peradaban sebagai panduan asas untuk diikuti oleh seluruh umat manusia. Al-Quran menyeru semua masyarakat supaya kembali kepada pemikiran rasional dan realistik dan menyangkal pemikiran yang diikat dengan fahaman animisme, paganisme dan “*syncretism*”. Sebagai kitab yang paling sempurna diciptakan oleh Allah, maka al-Quran merupakan obor kebenaran yang menerangi liku-liku kehidupan yang perlu dilalui oleh setiap manusia. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu) dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyelengeng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kamijadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah mengkehendaki nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu, berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal salih). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.”

(Al-Maidah: 48)

## 2.0 HUBUNGAN AL-QURAN DENGAN PEMBENTUKAN PERADABAN MANUSIA

Melalui kekuatan agama, masyarakat Islam telah berjaya membentuk peradaban manusia yang cemerlang dalam setiap lapangan kehidupan insan berasaskan kepada kerangka tauhid. Hakikatnya, al-Quran merupakan instrumen asas yang merangka dan mencanai acuan tamadun Islam. Meskipun al-Quran adalah sebuah kitab yang menjelaskan tentang kerangka asas agama Islam, namun di dalamnya juga mengandungi garapan-garapan yang menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah ilmiah. Isi kandungan al-Quran juga turut menyentuh unsur-unsur pembentukan tamadun dan perkara pertama yang dititikberatkannya adalah manusia itu sendiri. Sebagai insan yang diciptakan oleh Allah untuk memakmurkan bumi, sudah pastilah manusia terikat dengan undang-undang dan peraturan yang diciptakan oleh Allah seperti yang termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Menurut (Dr. 'Ali al-Shu'aibi, 2003) dalam kertas kerjanya bertajuk “Pendekatan Ketamadunan dalam al-Quran, al-Sunnah dan Warisan Intelektual Umat Islam”, beliau menjelaskan Allah telah meletakkan prinsip-prinsip ketamadunan di dalam al-Quran. Allah telah menyatakan bahawa Dia tidak akan mengubah nasib sesuatu kelompok manusia daripada lemah kepada kuat, daripada penjajahan kepada kebebasan, daripada kemunduran kepada kemajuan melainkan setelah mereka mempunyai inisiatif ke arah itu. Realiti ini bersandarkan kepada firman Allah yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.”*

(Ar-Ra'd: 11)

Peradaban menurut perspektif Islam perlu bertunjangkan kepada akidah tauhid yang murni dan kemuncaknya akan melahirkan kebaikan, kemajuan dan ketinggian kebudayaan. Islam sebagai agama yang bersifat syumul mendorong penganutnya mencipta satu peradaban dan kebudayaan yang dapat melahirkan generasi *rabbani*. Seperti yang digambarkan oleh (Said Hawa, 2004) dalam penulisannya iaitu “*al-Islam*”. Beliau menjelaskan bahawa tamadun secara umum terbahagi kepada dua, pertama tamadun Islam dan kedua tamadun Jahiliyah. Umumnya, tamadun Islam didefinisikan sebagai segala aspek kemajuan yang tegak di atas kebudayaan Islam dan hasilnya relevan dengan kebudayaan itu. Tamadun Jahiliyah pula adalah kemajuan yang dijelmakan dalam bentuk kebendaan (material) dengan tidak mengambil kira aspek kerohanian dan moral. Tegasnya, peradaban Islam mempunyai keunikannya yang tersendiri kerana ia dikawal oleh perundangan Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Justeru itu,

sekiranya berlaku kontradiksi dengan nilai-nilai ketentuan yang disyariatkan, maka ia tidak diiktiraf sebagai kebudayaan Islam. Berpegang kepada prinsip ini, Nabi Muhammad SAW berjaya mengubah pradigma masyarakat Arab Jahiliah kepada masyarakat yang memiliki kebudayaan yang luhur yang terjalin dengan akidah yang tulus.

(M. Din Syamsuddin, 2003) dalam kertas kerjanya “Membumikan al-Quran dan Sunnah untuk Pembangunan Negara Islam Modern” menegaskan sebagai agama yang berpaksikan tauhid, Islam menekankan penyatuan semua dimensi kehidupan manusia dengan kesatuan penciptaan ilmu pengetahuan dan peradaban. Dengan kata lain, Allah sebagai Pencipta menjadikan semua makhluk termasuk manusia terjalin dengan dogma yang berunsurkan ketuhanan, iaitu adanya hubungan kejiwaan (alam dan manusia berasal dari jiwa tunggal atau *nafs wahidah*). Oleh yang demikian, kombinasi ilmu pengetahuan yang terjalin dalam paradigma tauhid tidak membezakan antara ilmu keagamaan dengan ilmu keduniaan. Peradaban manusia merupakan manifestasi kepada prinsip kesatuan penciptaan dan ilmu pengetahuan sehingga peradaban itu diadun dalam kesatuan nilai-nilai ketuhanan dan kemanusiaan. Dengan memisahkan nilai-nilai tersebut, ia akan memberi dampak yang negatif dan akhirnya boleh melumpuhkan perkembangan tamadun.

Nilai-nilai yang terkandung dalam ajaran Islam bersifat *universal*, tidak terpengaruh dengan elemen-elemen sempadan, wilayah geografi dan kebudayaan. Islam sinonim dengan kemodenan melalui misi dan visinya yang membawa rahmat, kemaslahatan dan keharmonian terhadap alam semesta (*rahmat li al-alamin*). Kelenturan yang terdapat pada prinsip syariat dapat memenuhi keperluan dan realiti semasa manusia. Kesinambungan dan perubahan (*continuity and change*) yang ditonjolkan oleh Islam menunjukkan syariat bersifat dinamis dan menyokong perkembangan peradaban yang sentiasa bergerak seiring dengan kemajuan dan kemodenan bangsa manusia. (Malek Bennabi, 1993) dalam karyanya “*Islam in History and Society*” menjelaskan bahawa al-Quran merupakan satu tenaga yang bersumberkan *Ilahi* dan merupakan satu kuasa abadi yang mempunyai kewibawaan yang tersendiri dalam merangka dan mempengaruhi perkembangan peradaban manusia.

### **3.0 AL-QURAN PEMANGKIN KETAMADUNAN ISLAM**

Pada saat kelahiran agama Islam, dunia Arab telahpun mempunyai ketamadunannya yang tersendiri. Meskipun bangsa Arab pada ketika itu dikenali sebagai Arab Jahiliah, namun ini tidak bermaksud mereka jahil dari semua aspek kehidupan. Bangsa-bangsa Arab sebelum ini telahpun melakar sejarah

ketamadunannya yang gemilang seperti kaum Saba' dan Himyar. Jahiliah yang dimaksudkan ialah jahil dari aspek agama dan kepercayaan. Sejarah telah mencatatkan agama yang diwarisi oleh nenek moyang mereka ialah agama *wathani* (penyembahan berhala) yang sudah sebatas dalam jiwa dan raga mereka. Oleh yang demikian, agak sukarlah bagi sesuatu agama asing mengambil tempat untuk mempengaruhi sistem agama dan kepercayaan yang diwarisi sejak zaman berzaman.

Apabila al-Quran diturunkan kepada bangsa Arab, pada peringkat permulaannya terdapat penentangan yang kuat terhadapnya. Walau bagaimanapun, setelah mereka meyakini dan memahami isi kandungannya, maka kebenaran yang terpancar dari al-Quran menjadikan jiwa mereka yang keras selama ini dapat dilembutkan dengan petunjuk Ilahi. Kejayaan rohaniah al-Quran terhadap pemikiran jahiliah menjadikan bangsa Arab yang dikenali sebagai orang gasar, asabiah, suka berperang, buta huruf dan sebagainya dikenali sebagai sebuah masyarakat yang bertamadun dan menjadi contoh kepada tamadun dunia lain.

Kalam Allah juga telah menyeru masyarakat Islam supaya mereka berfikir dalam konteks yang lebih global. Berpegang kepada semangat *Iqra'*, umat Islam telah berjaya melonjak menjadi masyarakat yang bersifat dinamik dan berjaya melahirkan para sarjana yang cemerlang dalam pelbagai lapangan ilmu. Al-Quran merupakan firman Allah telah memberi sumbangan yang banyak ke arah pembentukan fenomena ketamadunan. Uslub penyampaiannya juga berasaskan kepada kalam-kalam yang baik '*al-kalimah al-tayyibah*'.

Al-Quran telah berjaya mengubah sikap dan pemikiran masyarakat Arab ke arah yang lebih positif dan dinamik. Gelombang yang dibawa oleh al-Quran telah membawa perubahan yang besar kepada masyarakat Arab dan menuntut mereka menjadi masyarakat yang berpengetahuan dan bertamadun tinggi. Melalui wahyu pertama yang diturunkan, Allah telah memberi petunjuk dan panduan kepada manusia tentang kepentingan dan kemuliaan ilmu. Dengan menguasai ilmu, insan akan mengenali Penciptanya, alam semesta, dirinya, seterusnya bersikap kreatif mencipta sesuatu yang membawa kebaikan manusia dan alam. Keunggulan yang ada pada al-Quran sehingga semua fakta yang dikemukakan tidak ada satupun yang berlaku percanggahan dengan penyelidikan saintifik yang dijalankan oleh manusia.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana, mereka menyatakan bahawa matahari mengandungi unsur-unsur yang merangkumi gas hydrogen, helium, karbon, azut, oksigen, fosforus, besi dan sebagainya telahpun dijelaskan oleh al-Quran. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan tentang

rahsia fenomena alam semesta yang memerlukan kajian dan penyelidikan secara terperinci untuk kebaikan manusia. Menurut (Z.R. El-Nagar, 1991) dalam penulisannya “*Sources of Scientific Knowledge: The Geological Concept of Mountains in the al-Quran*”, jika diselidiki dengan lebih mendalam, al-Quran merupakan sumber yang menjelaskan tentang penyelidikan saintifik dan secara tidak langsung semua fenomena yang dijelaskan oleh Allah menujukkan sifat Kebesaran dan Kebijaksanaan Allah SWT. Dalam penulisan (Z.R. El-Nagar, 1991) beliau telah menukilkhan bahawa:

*“The focus of the Quran is on explaining to mankind the detail of what constitutes al-Sirat al-Mustaqim. In the process, the Quran asks mankind to look around and consider the complexity, the majesty and the wonders of creation. The idea behind is that those who consider the universe carefully will perceive within in the signs of Allah’s greatness, mercy and power.”*

Sebagai buktinya, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Tidakkah kamu melihat bahwasanya Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami hasilkan dengan hujan itu buah-buahan yang beraneka macam jenisnya. Dan di antara gunung-gunung itu ada garisan putih dan merah yang beraneka macam warnanya dan ada pula yang hitam pekat. Dan demikian pula di antara manusia, binatang-binatang melata dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya hanyalah ulama. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.”*

(Fathir: 27-28)

Justeru itu, tanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan bukan hanya ditujukan kepada mereka yang terdiri daripada disiplin pengajian agama sahaja, tetapi ia merupakan tugas semua manusia dalam semua disiplin. Penyelidikan tentang fenomena kejadian alam betujuan untuk mendekatkan diri seseorang untuk mengenali PenciptaNya dan secara tidak langsung individu tersebut akan merasai kehebatan dan kebenaran yang terkandung dalam wahyu Allah yang agung. Kebenaran yang ditunjukkan oleh al-Quran akan menambah dan meningkatkan lagi tahap keimanan seseorang.

Al-Quran menyeru umat Islam agar berfikiran secara rasional dan dinamis. Tegasnya, pemikiran dan tingkah laku yang bertentang akal yang rasional sudah tentu berlaku kontradiksi dengan semangat syariah. Sebagai contoh, kepercayaan dan pemikiran yang disaduri dengan elemen animisme dan “*syncretism*” bertentangan dengan prinsip-prinsip asas Islam. Al-Quran tidak memberi

jawapan dan penyelesaian secara terperinci terhadap semua permasalahan yang berkaitan hal ehwal keperluan manusia. Sebaliknya, ayat-ayat al-Quran menjelaskan prinsip-prinsip umum ketamadunan manusia yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu yang luas sebagai garis panduan yang perlu diikuti. Objektif al-Quran ialah menyeru manusia memartabatkan risalah tauhid di muka bumi di samping menganjurkan supaya manusia berfikir secara kritis dan rasional ke arah kemajuan untuk kemaslahatan umat manusia. Umat Islam pada hari ini perlu menyahut cabaran seperti yang dituntut oleh al-Quran. Gerakan pembaharuan untuk menyedarkan masyarakat Islam tentang kemuflisan moral dan kemunduran umat Islam perlu dilakukan dalam usaha memperkasakan tamadun Islam di muka bumi. Namun begitu, satu usaha yang konsisten dan berhikmah perlu dilaksanakan sebagai pendekatan yang terbaik dalam memartabatkan peradaban Islam sebagai tamadun agung.

#### **4.0 ISLAM PEMANGKIN TAMADUN MELAYU**

Sekiranya dibuka lembaran sejarah, kehadiran Islam ke tanah Melayu yang bersifat mesra dengan kebudayaan penduduk tempatan telah berjaya mempengaruhi golongan atasan dan masyarakat bawahan untuk menerima ajarannya. Penerimaan ajaran Islam telah banyak mengubah kosmologi pemikiran masyarakat Melayu untuk membebaskan ikatan kepercayaan terhadap kepercayaan anamisme, hinduisme dan budhanisme. Meskipun pada peringkat awal masih lagi berlaku asimilasi dengan kepercayaan tradisi nenek moyang silam, namun secara berperingkat kepercayaan tauhid yang dibawa oleh Islam bertapak kukuh dan diterima oleh masyarakat Melayu.

Kedinamikan yang dibawa oleh Islam melalui petunjuk al-Quran mengakui keabsahan sesuatu budaya dan meraikannya selagimana tidak bertentangan dengan prinsip Islam telah memberi kesan yang cukup mendalam kepada masyarakat Melayu. Berseuaian dengan sifat yang mengiktiraf variasi ras dan budaya sebagai tanda rahmat dan kasih sayang Allah yang meraikan keperluan hambaNya. Oleh yang demikian, dapat difahami Islam tidak melihat kelebihan sesuatu bangsa ataupun sempadan geografi sebagai asas pertimbangan penerimaan ajaran Islam, sebaliknya memberi penegasan bahawa sesuatu tamadun itu perlu diterima secara positif dan selektif dengan memanfaatkan nilai-nilai yang baik dengan saringan yang teliti agar ia berseuaian dengan prinsip-prinsip Tauhid (S. Waqar Ahmad Husaini, 1980).

Keunikan yang ada pada ajaran Islam telah mencetuskan satu fenomena yang menjadikan masyarakat yang menerima Islam telah dikesan mempunyai pencapaian keilmuan dan tamadun yang cukup tinggi. Pencapaian yang cemerlang ini juga dapat dikesan dalam masyarakat Melayu seperti yang ditegaskan oleh (Mona M, Abul Fadl, 1995).

*“Within the space of decades, the Arabs had outgrown the phase of tribal parochialism to become the uncontested masters of an empire and the heralds of an open and expanding world community. This examples was not confined only to the history of the Arabs, for it was repeated in the case of Berbers, Turks, Mongols, Persian, Indian, Malays and the kingdom in West and East Afrika.”*

Pada dasarnya, panduan yang dibawa oleh al-Quran secara tidak langsung telah mengubati jiwa dan fizikal masyarakat Melayu menjadi masyarakat yang kuat dan akhirnya berjaya mengasaskan satu peradaban yang dikenali di sebelah Barat dan Timur (Samri Sainuddin, 2003). Penerimaan ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah telah memberi kesan kepada pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu seperti bidang bahasa, sastera, intelektual, undang-undang pentadbiran, sistem kepercayaan, politik, adat istiadat, perdagangan dan sosial.

Kecemerlangan sesuatu peradaban adalah merupakan satu impian yang diimpikan oleh mana-mana bangsa di dunia ini. Namun begitu, pengisian kepada kecemerlangan sesebuah tamadun adalah penting untuk menentukan kelestarian dan kelangsungan sesuatu bangsa. Kelekaan dan kealpaaan manusia untuk memenuhi keperluan pengisian yang bermanfaat untuk perkembangan sesebuah tamadun menyebabkan potensi untuk sesebuah tamadun lama menjadi sukar.

Oleh yang demikian, sejarah telah membuktikan kecemerlangan zaman keemasan empayar Islam terdahulu yang menguasai ufuk Timur dan Barat adalah disebabkan oleh keupayaan umat Islam terdahulu untuk mengisi peradaban yang diciptakan dengan elemen tauhid, ilmu dan akhlak yang luhur. Kekuatan yang ada tersebut telah mencetuskan satu tenaga kepada umat Islam untuk bersatu-padu menggembangkan tenaga untuk mempertahankan akidah, menjadikan ilmu sebagai budaya hidup dan bukannya alpa dengan budaya taqlid serta keunggulan perbadji yang tinggi sebagai citra hidup. Asas-asas inilah yang menjadi aset kekuatan umat Islam untuk berdepan dengan musuh dalaman dan luaran.

Begitu juga dengan peradaban Melayu, perkembangan yang berlaku di dalamnya juga perlu kepada proses keseimbangan fizikal dan kerohanian. Kesepadan antara kedua-dua elemen tersebut akan menjadi sistem pertahanan yang ampuh kepada umat Melayu untuk menghadapi pelbagai cabaran sama ada yang lokal maupun global. Sejarah telah memancarkan pedoman yang berguna kepada kita dengan menyaksikan proses kitaran tamadun sejak zaman kerajaan Srivijaya sehingga kepada kerajaan Melayu Melaka. Tamadun Melayu mula mengalami zaman malap dan kemerosotan yang panjang sebelum dijahah oleh orang asing.

Tegasnya, asas-asas yang mempengaruhi kecemerlangan tamadun silam khususnya pada zaman kesultanan Melayu Melaka silam jelas dipengaruhi oleh penghayatan kepada ajaran Islam yang tinggi. Justeru itu, umat Melayu pada masa kini perlu memahami penghayatan kepada ajaran Islam yang bersumberkan kepada tuntutan al-Quran dan al-Sunnah dapat memajukan sesuatu masyarakat dan menyelamat umat manusia bukan sahaja di dunia tetapi juga merentasi dimensi dunia yang lain, iaitu akhirat. Memandang ringan tuntutan al-Quran dan al-Sunnah, cenderung membuka pintu kerosakan dan dalam jangka masa yang panjang akan membinasakan potensi insan untuk membina sebuah peradaban yang hebat dan menjadi contoh kepada umat lain seperti yang berlaku pada zaman kegemilangan kemasyhuran umat Islam terdahulu pada zaman keemasannya.

## 5.0 KESIMPULAN

Al-Quran memberi panduan dan pedoman yang sangat berharga kepada manusia ke arah pembentukan peradaban insan yang hakiki dengan mengambil kira pembangunan rohaniah dan material. Al-Quran sebagai kalam yang suci menyeru umat manusia ke arah kemajuan yang membawa kebaikan kepada manusia dan alam menurut acuan dan kerangka yang telah ditetapkan oleh syariat Ilahi. Sesebuah tamadun insan tidak akan berjaya mencapai kemuncaknya melainkan dengan kecemerlangan akal dan ilmu, akhlak yang luhur serta memiliki kekutan akidah yang mantap. Kelemahan, kemunduran dan ketidakupayaan sesebuah peradaban manusia disebabkan oleh kebodohan dan kedunguan dalam menjana idea-idea pemikiran yang kreatif dan inovatif yang akhirnya boleh menyumbang kepada keruntuhan pembentukan gagasan peradaban. Justeru, kegagalan umat Melayu Muslim pada hari untuk menyahut cabaran yang dianjurkan oleh al-Quran akan memberi dampak yang negatif untuk berdepan dengan pelbagai cabaran dan juga serangan dari dalam maupun luar.

## RUJUKAN

- Abul Fadl, Mona M. (1995). *Toward Global Cultural Renewal: Modernity and the Episteme of Transcendence*. Herndon.
- Bennabi, Malek. (1997). *Islam History and Society*, trans, Asma Rachid. Kuala Lumpur: Berita Studies and Contemporary Thought.
- Hawwa, Said. (2004). *Al-Islam*. Mesir: Dar lil al-Tiba`wa al-Nashr wa al-Tauzi`.
- <http://panduummat.wordpress.com/2011/03/16/membumikan-al-quran-dan-sunnah-untuk-pembangunan-negara-islam-modern/>. Capaian pada 17 April 2014.
- Samri Sainuddin. (2003). *TITAS*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Shu'Aibi, 'Ali al-. (2003). *Pendekatan Ketamadunan dalam al-Quran, Al-Sunnah dan Warisan Intelektual Umat Islam*. Kertas kerja dibentangkan dalam World Conferences of Islamic Scholar: Islam in the Era Globalisation, di Hotel Marriot, Putrajaya, Malaysia.
- Z. R. El-Naggar. (1991) *Sources of Scientific Knowledge: The Geological Concept of Mountains in the Qur'an*. Herndon: The Association of Muslim Scientists and Engineers and The International Institute of Islamic Thought.